

Sultan Nazrin dukacita nasib akhbar jawi *Utusan Melayu*

Utusan Malaysia - 2/3/16 C m/s 32.

KUALA LUMPUR 1 Mac - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menzahirkan perasaan dukacita dengan nasib akhbar *Utusan Melayu* yang tidak diteruskan penerbitannya kerana kurang sambutan.

Baginda bertitah, peristiwa berkuburnya akhbar bertulisan jawi terbitan Kumpulan Utusan itu adalah manifestasi yang membuktikan betapa lemahnya semangat jati diri dan nasionalisme orang Melayu untuk mempertahankan warisan bangsa.

Titah baginda, *Utusan Melayu* bukan hanya sebuah akhbar malah, ia merupakan institusi bersejarah milik bangsa yang amat berjasa dalam memperjuangkan martabat orang Melayu.

“Begitu mudah bangsa melupakan jasa dan perjuangan sebuah institusi bersejarah, betapa mudahnya sikap kacang lupakan kulit berlaku hanya selepas 50 tahun negara mencapai kemerdekaan dalam kalangan mereka yang sudah mendapat nikmat hasil daripada perjuangan akhbar *Utusan Melayu*.”

“Bangsa begitu cepat lupa, bahawa kejayaan sebahagian besar daripada mereka pada hari ini, menjadi kapten pelbagai konglomerat, industri dan syarikat perniagaan telah dijaguhkan oleh suara perjuangan yang digemakan oleh akhbar bertulisan jawi itu,” titah baginda ketika merasmikan Utusan Business Awards 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Akhbar *Utusan Melayu* terpaksa diberhentikan penerbitannya pada 29 Januari 2006 kerana tiada sambutan namun diterbitkan semula mulai 1 Mei 2006 sebagai akhbar mingguan dengan nama *Utusan Melayu Mingguan* menerusi kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, edisi cetak *Utusan Melayu* dihentikan sekali lagi penerbitannya pada Julai 2013 dan kini ia diterbitkan dalam edisi digital yang boleh diakses melalui langganan akhbar elektronik *Utusan Malaysia* setiap Isnin.

Selain itu, Johor Corporation (ICorp) telah menaja akhbar *Utu-*

san Melayu Mingguan edisi cetak selama setahun mulai Februari tahun lalu untuk diedarkan kepada 262 buah sekolah menengah di seluruh negeri Johor, kaunter pejabat kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC) dan sebagai bahan bacaan di masjid.

Sultan Nazrin bertitah, hakikat bahawa akhbar *Utusan Melayu* terpaksa dihentikan penerbitannya berdasarkan pertimbangan yang diletakkan di atas dacing perniagaan adalah amat menyedihkan.

Titah baginda, huruf dan tulisan jawi telah lama berakar di negara ini dan merupakan sebahagian daripada budaya dan identiti bahasa Melayu.

“Huruf dan tulisan jawi mendapat tempat utama dalam persuratan Melayu, berperanan sebagai huruf yang digunakan dalam urusan surat-menyurat utama dan watak penting raja-raja Melayu serta kekal digunakan di istana sehingga hari ini,” titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah, lebih menghibakan, hayat akhbar *Utusan Melayu* ditamatkan ketika orang Melayu memegang kuasa politik dan menerajui pelbagai GLC dalam negara yang merdeka.

“Ketika menghadapi hari-hari terakhir hayatnya, beta disembah maklumkan *Utusan Melayu* ketika memohon dan merayu untuk mendapatkan sokongan telah dilayani bagaikan pengemis jalanan oleh cerdik pandai Melayu yang menjadi kapten pelbagai konglomerat, industri dan syarikat perniagaan, yang tidak langsung menunjukkan semangat mahu membantu, memberikan talian hayat untuk penerusan satu warisan bangsa yang amat berharga,” titah baginda.

Titah baginda, akhbar bertulisan itu juga diperlekehkan kerana dianggap tiada nilai komersial.

Baginda bertitah, nasib yang menimpa akhbar *Utusan Melayu* itu adalah satu tamparan yang sepatutnya menyedarkan dan menginsafkan orang Melayu.

“Betapa rapuhnya semangat daya tahan dan betapa tipisnya jati diri bangsa hingga tergamak membenarkan anak di riba mati tak makan,” titah baginda.